



TATACARA PENGENDALIAN PIAWAI (SOP) PENGURUSAN BANTUAN KHAS PERBENDAHARAAN (BKP) KEPADA PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

**Berkuatkuasa mulai:
24 Jun 2024**

KANDUNGAN

1.0	LATAR BELAKANG	5
1.1	PENGENALAN.....	6
1.2	OBJEKTIF	6
1.3	AGENSI YANG TERLIBAT	7
SEKSYEN A		8
1.0	JAWATANKUASA PERAKUAN BANTUAN KHAS PERBENDAHARAAN (JPBKP)	9
1.1	TERMA RUJUKAN JPBKP.....	9
1.2	AHLI JAWATANKUASA PERAKUAN BANTUAN KHAS PERBENDAHARAAN	11
2.0	JAWATANKUASA PENYELARASAN BKP AGENSI	12
2.1	TERMA RUJUKAN	12
2.2	KEAHLIAN JAWATANKUASA.....	12
3.0	SYARAT ASAS PERTIMBANGAN BKP	13
3.1	SYARAT ASAS KELAYAKAN NGO	13
3.1.1	LAYAK DIPERAKU	13
3.1.2	TIDAK LAYAK DIPERAKU	14
3.2	SYARAT ASAS KELAYAKAN PROGRAM NGO.....	15
3.2.1	PROGRAM YANG LAYAK DIPERAKU	15
3.2.2	PROGRAM YANG TIDAK LAYAK DIPERAKU	15
4.0	ASAS PERTIMBANGAN BAGI ITEM PERUNTUKAN BANTUAN	16
4.1	PERBELANJAAN YANG DIBENARKAN.....	16
4.2	PERBELANJAAN YANG TIDAK DIBENARKAN	19
5.0	BIDANG KEUTAMAAN	20
5.1	PROGRAM PEMBANGUNAN WANITA	20
5.2	PROGRAM KESEJAHTERAAN KELUARGA	21
5.3	PROGRAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT	24
5.4	PROGRAM-PROGRAM LAIN.....	27
6.0	PROSES KERJA PEMBERIAN BANTUAN KHAS PERBENDAHARAAN...	28

7.0	CARTA ALIR BAGI PROSES KERJA PEMBERIAN PERUNTUKAN BANTUAN KHAS PERBENDAHARAAN	33
8.0	SURAT KELULUSAN	36
	SEKSYEN B	38
1.0	PEMANTAUAN, PENILAIAN DAN PELAPORAN PROGRAM	39
2.0	JAWATANKUASA PEMANTAUAN DAN PENILAIAN (JPP)	40
	2.1 PERANAN JPP	40
	2.2 KEAHLIAN JPP	40
3.0	JAWATANKUASA PENYELESAIAN PERTIKAIAN NGO	41
	3.1 PERANAN JAWATANKUASA	41
	3.2 FORMAT MESYUARAT	41
	3.3 KEAHLIAN JAWATANKUASA DAN KEHADIRAN MESYUARAT	42
4.0	PELANGGARAN SYARAT	43
5.0	PROSES KERJA PEMANTAUAN BKP	44
6.0	CARTA ALIR BAGI PROSES KERJA PELAPORAN BKP.....	57
7.0	JENIS SURAT DALAM PROSES PEMANTAUAN DAN PENILAIAN.....	64
	LAMPIRAN	67

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Perkara	Halaman
A1	Garis Panduan Permohonan dan Pelaksanaan Program di bawah BKP kepada NGO	68
A2	Minit Bebas Kelulusan Kadar Maksimum bagi Pemberian BKP	121
A3	Daftar Terima Permohonan BKP	125
A4	Senarai Semak Permohonan BKP	126
A5	Surat Salur	127
A6	Surat Akuan Terima Permohonan	128
A7	Borang Verifikasi NGO	129
A8	Ringkasan Kertas Kerja Permohonan BKP oleh NGO	132
A9	Surat Kelulusan Peruntukan BKP	133
A10	Pemakluman Keputusan Permohonan Tidak Berjaya	142
A11	Senarai Semak Dokumen bagi Tujuan Penyaluran BKP	143
A12	Makluman Penyaluran Peruntukan BKP	144
B1	Buku Log Pemantauan	146
B2	Surat Peringatan Melaksanakan Program BKP	147
B3	Laporan Pemantauan Program	148
B4	Senarai Semak Status Pelaksanaan Program	151
B5	Surat Pemulangan Baki Peruntukan BKP	153
B6	Surat Selesai	154
B7	Laporan Prestasi NGO	155
B8	Surat Kuiri	157
B9	Notis Peringatan	158
B10	Notis Mungkir	159
B11	Notis Penamatan	161
B12	Surat Arahan Pemulangan Peruntukan BKP	163
B13	Surat Peringatan Pulang Peruntukan BKP	165

B14	Senarai Semak Naziran	166
B15	Laporan Naziran BKP	167

1.0 LATAR BELAKANG

Kepesatan pembangunan negara, kestabilan politik dan pembangunan sosial merupakan tunjang utama dalam membentuk sebuah negara sejahtera. Bagi merealisasikan hasrat ini, modal insan dan modal sosial perlu diperkasa sebaiknya dengan kerjasama pihak Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Peranan NGO terutamanya dalam kesukarelaan diperlukan bagi memupuk nilai-nilai sepunya yang murni dalam kalangan masyarakat bagi menjamin perpaduan, kesaksamaan dan keadilan sosial. Selain pembentukan minda kelas pertama ini, aktiviti kesukarelaan menjurus kepada pembangunan kapasiti kumpulan sasar dalam meningkatkan potensi serta kebolehpayaan diri.

Sebagai langkah memperkasakan modal sosial, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menggalakkan aktiviti kesukarelaan NGO dengan pemberian bantuan kewangan bagi menjalankan program pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat.

Pemberian bantuan kerajaan ini disalurkan kepada NGO melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Pemberian BKP kepada NGO bertujuan:

- a) Untuk mendayaupayakan komuniti melalui tindakan kesukarelaan yang strategik dan berkesan;
- b) Untuk memastikan kumpulan sasar Kementerian menerima faedah yang optimum dan berkesan berdasarkan perkhidmatan yang disediakan oleh NGO; dan

- c) Untuk memperkasakan NGO agar menjadi satu pertubuhan yang berdikari dan membudayakan amalan pengurusan yang terbaik serta berkeupayaan untuk sentiasa melestarikan program dan perkhidmatan yang diberikan.

1.1 PENGENALAN

Tatacara Pengendalian Piawai (SOP) ini disediakan untuk memberi panduan kepada pegawai bertanggungjawab yang menguruskan BKP mengenai pelaksanaan program pembangunan sosial kepada NGO.

SOP Pengurusan BKP ini mengandungi dua (2) seksyen iaitu:

- **SEKSYEN A: PEMBERIAN BKP KEPADA NGO**
Memberi penerangan berkenaan syarat-syarat kelayakan, bidang keutamaan, proses kerja dan prosedur pemberian BKP kepada NGO.
- **SEKSYEN B: PEMANTAUAN BKP KEPADA NGO**
Memberi penerangan berkenaan mekanisme pemantauan, penilaian dan pelaporan bagi pelaksanaan program pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat.

1.2 OBJEKTIF

Objektif SOP adalah seperti berikut:

- a) Sebagai panduan asas kepada Jawatankuasa Perakuan Bantuan Khas Perbendaharaan (JPBKP) bagi menguruskan BKP secara telus, adil dan saksama;

- b) Sebagai panduan kepada pegawai untuk memproses pemberian mengikut syarat-syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan; dan
- c) Sebagai panduan kepada pegawai untuk menjalankan pemantauan dan penilaian mengikut syarat-syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan.

1.3 AGENSI YANG TERLIBAT

- a) Urus setia induk:
Bahagian Penilaian, Pemantauan dan Pengurusan Pengetahuan, JPW
- b) Agensi:
 - i) **Bahagian Komuniti, JKM**
 - ii) **Bahagian Kesejahteraan Keluarga, LPPKN**
- c) Pengurusan pembayaran peruntukan:
Unit Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan, JPW

SEKSYEN A
PEMBERIAN PERUNTUKAN BANTUAN KHAS
PERBENDAHARAAN (BKP) KEPADA PERTUBUHAN
BUKAN KERAJAAN (NGO)

1.0 JAWATANKUASA PERAKUAN BANTUAN KHAS PERBENDAHARAAN (JPBKP)

1.1 TERMA RUJUKAN JPBKP

- a) Membuat pertimbangan dan keputusan bagi permohonan BKP berdasarkan:
 - i) SOP Pengurusan BKP kepada NGO;
 - ii) Garis Panduan Permohonan dan Pelaksanaan Program di bawah BKP kepada NGO (**Lampiran A1**);
 - iii) Bidang-bidang keutamaan program pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat;
 - iv) Minit Bebas Kelulusan Kadar Maksimum bagi Pemberian BKP (**Lampiran A2**);
 - v) Laporan Prestasi NGO bagi NGO yang pernah menerima BKP (**Lampiran B7**);
 - vi) Laporan Verifikasi bagi NGO yang pertama kali memohon BKP atau telah melebihi tempoh lima (5) tahun daripada kali terakhir menerima BKP (**Lampiran A10**); dan
 - vii) Lain-lain keperluan yang dipersetujui dalam Mesyuarat JPBKP.
- b) Mesyuarat JPBKP akan diadakan sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun;
- c) Pengerusi boleh melantik wakil untuk mempengerusikan mesyuarat berdasarkan kepada keperluan semasa;

- d) Mesyuarat akan diteruskan dengan kehadiran sekurang-kurangnya tiga (3) daripada lima (5) ahli tetap atau ahli ganti;
- e) Menimbang dan meluluskan pindaan garis panduan dan SOP yang berkaitan dengan pengurusan BKP;
- f) Menyemak status baki semasa peruntukan BKP;
- g) Menetapkan tempoh ikatan Surat Kelulusan dan kaedah penyaluran peruntukan sama ada secara pukal atau berperingkat;
- h) Membincangkan hal-hal lain yang berkaitan dengan permohonan BKP;
- i) Menyediakan surat makluman mengenai keputusan mesyuarat kepada YB Menteri KPWKM; dan
- j) Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha KPWKM mempunyai kuasa untuk memberi kelulusan kepada NGO yang tidak memenuhi kriteria dan asas pertimbangan di dalam SOP ini dengan syarat tindakan itu tidak melanggar peraturan-peraturan kewangan yang berkuatkuasa serta mempunyai justifikasi yang kukuh.

1.2 AHLI JAWATANKUASA PERAKUAN BANTUAN KHAS PERBENDAHARAAN

Pemberian BKP akan melibatkan jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam membuat keputusan dan perakuan terhadap permohonan BKP. Ahli-ahlinya adalah seperti berikut:

- a) **Pengerusi** : Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), KPWK
- b) **Ahli Tetap** :
 - Ketua Pengarah JPW
 - Ketua Pengarah JKM
 - Ketua Pengarah LPPKN
 - Setiausaha Bahagian Dasar KPWK
 - Setiausaha Bahagian Kewangan KPWK
- c) **Ahli-ahli Ganti** : Timbalan Ketua Pengarah Agensi/
Timbalan Setiausaha Bahagian/
Pengarah Bahagian/ Ketua Penolong Setiausaha
- d) **Turut Hadir** :
 - Pengarah Bahagian Kesejahteraan Keluarga, LPPKN
 - Pengarah Bahagian Komuniti, JKM
 - Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan, JPW
 - Penasihat Undang-undang, KPWK
- e) **Setiausaha** : Pengarah Bahagian Penilaian, Pemantauan dan Pengurusan Pengetahuan (BPPPP), JPW

2.0 JAWATANKUASA PENYELARASAN BKP AGENSI

Mesyuarat ini diadakan bagi membuat saringan dan syor terhadap permohonan BKP sebelum dibawa ke JPBKP.

2.1 TERMA RUJUKAN

- a) Menimbang dan memperaku permohonan NGO yang menepati syarat asas pertimbangan untuk dibawa ke Mesyuarat JPBKP;
- b) Mesyuarat akan diadakan sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun;
- c) Pengerusi boleh melantik wakil untuk mempengerusikan mesyuarat berdasarkan kepada keperluan semasa;
- d) Mesyuarat akan diteruskan dengan kehadiran sekurang-kurangnya tiga (3) daripada lima (5) ahli;
- e) Memantau status perbelanjaan peruntukan BKP Agensi;
- f) Membincangkan hal-hal lain yang berkaitan dengan permohonan BKP; dan
- g) Menyemak keperluan pindaan garis panduan dan SOP yang berkaitan dengan pengurusan BKP.

2.2 KEAHLIAN JAWATANKUASA

- a) **Pengerusi** : Ketua Pengarah Agensi
- b) **Ahli-ahli** :
 - Timbalan Ketua Pengarah
 - Pengarah Bahagian
- c) **Setiausaha** : Urus setia BKP Agensi

3.0 SYARAT ASAS PERTIMBANGAN BKP

3.1 SYARAT ASAS KELAYAKAN NGO

3.1.1 LAYAK DIPERAKU

Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang layak diberi pertimbangan bantuan kerajaan adalah seperti berikut:

- a) Memberi perkhidmatan kepada kumpulan sasar mengikut bidang-bidang keutamaan Kementerian;
- b) Berdaftar dengan pendaftar pertubuhan seperti berikut:
 - i. Pendaftar Pertubuhan (ROS) di bawah Akta Pertubuhan 1966;
 - ii. Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007;
 - iii. Bahagian Hal Ehwal Undang-undang bagi Pemerbadanan Pemegang Amanah di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952; atau
 - iv. ditubuhkan di bawah Akta Parlimen.
- c) Masih dalam tempoh pendaftaran yang sah;
- d) Bertaraf tempatan;
- e) NGO yang tidak ditubuhkan dan dianggotai sepenuhnya oleh penjawat awam;
- f) NGO yang tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh akan diberi keutamaan;

- g) Diluluskan oleh perlembagaan masing-masing untuk bergerak dalam bidang yang berkaitan dengan bidang keutamaan Kementerian; dan
- h) Bagi NGO yang pernah menerima BKP sebelum ini mesti mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan iaitu:
 - i) menunjukkan prestasi yang baik berdasarkan Laporan Prestasi NGO;
 - ii) telah mendapat kelulusan khas Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha KPWKM bagi kes-kes kuiri yang tidak selesai;
 - iii) telah mengembalikan keseluruhan baki peruntukan yang tidak dibelanjakan; dan
 - iv) telah mengembalikan keseluruhan peruntukan bagi perbelanjaan yang tidak dibenarkan.

3.1.2 TIDAK LAYAK DIPERAKU

Pertubuhan yang tidak layak diberi pertimbangan adalah seperti berikut:

- a) Pertubuhan yang tidak berdaftar, disenarai hitam, telah dibatalkan atau digantung pendaftaran oleh Pendaftar Pertubuhan atau undang-undang badan pendaftar yang dipersetujui oleh Kementerian;
- b) Pertubuhan berdaftar yang berorientasikan politik dan orang perseorangan; atau
- c) NGO yang belum menyelesaikan isu/ kes tertangguh untuk BKP/ bantuan/ geran lain di bawah Kementerian.

3.2 SYARAT ASAS KELAYAKAN PROGRAM NGO

3.2.1 PROGRAM YANG LAYAK DIPERAKU

- a) Selaras dengan bidang-bidang keutamaan yang telah ditetapkan untuk program pembangunan kumpulan sasar Kementerian.
- b) Program yang memberikan impak yang besar dan bersifat jangka panjang serta memberi manfaat kepada kumpulan sasar.
- c) Program bagi permohonan ulangan hanya akan dipertimbangkan setelah LPP lengkap diterima oleh Agensi dan menunjukkan prestasi yang baik berdasarkan Laporan Prestasi NGO.

3.2.2 PROGRAM YANG TIDAK LAYAK DIPERAKU

- a) Program yang tidak menepati kumpulan sasar Kementerian;
- b) Program yang bertujuan untuk pembelian harta modal/ aset seperti bangunan, komputer, mesin jahit dan sebagainya;
- c) Bantuan modal/ pinjaman untuk memulakan perniagaan;
- d) Program yang bermotifkan keuntungan kewangan (*profit-oriented*) untuk NGO atau mana-mana ahli NGO;
- e) Program yang telah dilaksanakan sebelum permohonan diluluskan;
- f) Program yang melibatkan pembaziran;

- g) Program yang bertujuan untuk pembayaran gaji, elaun, potongan KWSP dan PERKESO untuk kakitangan NGO;
- h) Program berbentuk lawatan di dalam negeri atau di luar negeri;
- i) Program yang bertentangan dengan perlembagaan Malaysia dan menyentuh isu-isu sensitif yang boleh menimbulkan permasalahan serta menggugat ketenteraman negara seperti isu agama, perkauman dan berunsur politik atau sebarang niat untuk menjatuhkan imej pihak tertentu;
- j) Program yang melibatkan ahli politik sebagai perasmi atau penceramah melainkan Menteri/ Timbalan Menteri/ Exco yang mempunyai portfolio berkaitan; atau
- k) Di luar bidang tugas Kementerian.

4.0 ASAS PERTIMBANGAN BAGI ITEM PERUNTUKAN BANTUAN

4.1 PERBELANJAAN YANG DIBENARKAN

- a) Senarai perbelanjaan yang dibenarkan adalah tertakluk kepada skop program di dalam Surat Kelulusan seperti berikut:
 - i) Pakej program
 - a. Penginapan termasuk makan minum; dan
 - b. Makan minum sahaja
 - ii) Sewaan dewan

- iii) Perkhidmatan sokongan teknikal
 - a. Sistem siar raya dan projektor LCD
 - b. Platform komunikasi dalam talian
 - iv) Pengangkutan
 - v) Bayaran penceramah
 - vi) Bayaran jurubahasa isyarat
 - vii) Bayaran fasilitator
 - viii) Bahan cetak
 - ix) Alat tulis
 - x) Bahan guna habis
 - xi) Insurans kelompok (mengikut keperluan program)
 - xii) Keurussetiaan maksimum 10% daripada jumlah peruntukan atau RM3,000.00 atau mana-mana yang lebih rendah (urusan pos, bil telefon, tol, ruang letak kereta dan lain-lain)
- b) Sebarang perbelanjaan selain daripada yang dinyatakan dalam perkara 4.1 adalah tidak dibenarkan kecuali yuran modul latihan serta bahan cetakan dan program di bawah LPPKN.
- c) Sekiranya yuran penyertaan dikenakan terhadap peserta, NGO tidak layak untuk menerima bayaran keurussetiaan. Pertubuhan perlu mendapatkan kelulusan JPBKP sebelum mengenakan sebarang yuran.
- d) Kadar maksimum perbelanjaan yang dibenarkan adalah berdasarkan Minit Bebas Kelulusan Kadar Maksimum (**Lampiran A2**) seperti jadual di bawah:

Jadual 1 Kadar Maksimum BKP

Bil.	Perkara	Kadar Maksimum	
		Semenanjung	Sabah/ Sarawak
1.	Pakej program a. Penginapan termasuk makan minum b. Makan minum sahaja	RM160/ orang RM45/ orang	RM190/ orang RM65/ orang
2.	Sewaan dewan	RM500/ hari	
3.	Perkhidmatan sokongan teknikal a. Sistem siar raya b. Platform dalam talian	RM500/ hari RM500/ program	
4.	Pengangkutan	RM1,000/ program	RM2,000/ program
5.	Bayaran penceramah	RM200/ jam	
6.	Bayaran jurubahasa isyarat	RM150/ jam	
7.	Bayaran fasilitator	RM100/ jam	
8.	Bahan cetak	RM300/ program	
9.	Alat tulis	RM10/ orang	
10.	Bahan guna habis	RM100/ orang	
11.	Insurans kelompok	RM5/ orang	
12.	Keurussetiaan	10% daripada jumlah perakuan atau RM3,000.00 atau mana-mana yang lebih rendah	

e) Manakala, ketetapan bagi program yang dilaksanakan secara harian, nisbah kadar hidangan adalah seperti berikut:

Jadual 2 Nisbah kadar hidangan bagi program harian

Bil.	Hidangan	Kadar
1.	Minum pagi	20%
2.	Makan tengah hari	40%
3.	Minum petang*	20%
4.	Makan malam*	40%
*Tidak boleh dijumlahkan nisbah hidangan menjadi kiraan satu hari. Sekiranya program dilaksanakan sehingga malam, hanya salah satu hidangan yang dibenarkan iaitu sama ada minum petang atau makan malam.		

4.2 PERBELANJAAN YANG TIDAK DIBENARKAN

- a) Pembelian harta modal atau aset seperti bangunan, komputer, mesin jahit dan sebagainya.
- b) Apa-apa jenis bantuan yang berbentuk wang tunai/ barangan/ baucar/ pinjaman seperti penajaan biasiswa/ dermasiswa/ modal perniagaan dan sebagainya.
- c) Cukai atau duti-duti setem, hadiah, cenderahati, saguhati, cabutan bertuah dan sebagainya.
- d) Sebarang ganti rugi sama ada melibatkan urus setia, peserta, penceramah, pihak ketiga dan sebagainya.
- e) Bayaran utiliti dan sewa kos operasi berkala seperti bil air, bil elektrik, bil internet, sewa rumah, sewa bangunan dan lain-lain.
- f) Perbelanjaan bagi tujuan lawatan sama ada di dalam atau di luar negeri.
- g) Bayaran gaji, elaun, potongan KWSP dan PERKESO untuk kakitangan NGO, urus setia, peserta, penceramah, atau pihak ketiga.
- h) Sekiranya terdapat perbelanjaan yang tidak dibenarkan dibuat menggunakan peruntukan BKP, peruntukan tersebut perlu dipulangkan semula kepada Kementerian dengan kadar segera.

5.0 BIDANG KEUTAMAAN

Program-program yang boleh dijalankan di bawah BKP adalah merangkumi bidang-bidang keutamaan berdasarkan kumpulan sasar Kementerian seperti berikut:

5.1 PROGRAM PEMBANGUNAN WANITA

Pelaksanaan program berlandaskan Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita.

a) Kewangan

- i) Program berkaitan penjanaan pendapatan/ keusahawanan (contoh: penghasilan produk/ pemasaran/ pengurusan perniagaan).
- ii) Program berkaitan pengurusan kewangan peribadi (contoh: pengurusan hutang/ tabungan/ pelaburan).

b) Kemahiran

- i) Program berkaitan peningkatan kemahiran diri (contoh: masakan/ jahitan/ kecantikan/ kesihatan).

c) Keseimbangan

- i) Program berkaitan sokongan psikososial (contoh: Skuad Waja).
- ii) Program pengurusan emosi (contoh: pengurusan tekanan/ konflik/ kemarahan).
- iii) Program berkaitan undang-undang (contoh: pengurusan harta pusaka/ tuntutan selepas perceraian/ gangguan seksual/ undang-undang keluarga/ hak dan tanggungjawab pekerja/ majikan).

d) Kepimpinan dan kesaksamaan gender

- i) Program berkaitan kepimpinan (contoh: kepimpinan Islam/ pengurusan rumah tangga/ organisasi).
- ii) Program advokasi gender seperti memberi kefahaman serta kesedaran mengenai konsep gender dan isu-isu yang berkaitan dalam usaha mencapai kesaksamaan gender.

e) Menangani keganasan terhadap wanita

Peningkatan kesedaran bagi menangani keganasan terhadap wanita seperti keganasan rumah tangga, kes ragut, rogol, gangguan seksual dan lain-lain serta pengenalan kepada akta-akta dan agensi-agensi berkaitan yang boleh dirujuk.

5.2 PROGRAM KESEJAHTERAAN KELUARGA

a) Kekeluargaan

- i) Kempen kesedaran dan advokasi;
- ii) Khidmat kaunseling kekeluargaan;
- iii) Program berbentuk penyebaran maklumat;
- iv) Perancangan kewangan; dan
- v) *High Risk Family*:
 - Mengatasi kerapuhan institusi kekeluargaan, memberi kemahiran dan perkhidmatan seperti kaunseling.

b) Keibubapaan

- i) Aktiviti berbentuk kursus, seminar, bengkel persidangan atau latihan untuk jurulatih atau *Training of Trainers* (TOT);

- ii) Program untuk meningkatkan pengetahuan ibu bapa tentang aspek keibubapaan bagi membentuk dan mendidik anak-anak; dan
- iii) Program yang berasaskan modul yang dibangunkan oleh LPPKN.

c) Kebapaan

- i) Aktiviti berbentuk kursus, seminar, bengkel persidangan atau TOT;
- ii) Program untuk membentuk penghayatan kaum bapa bagi meningkatkan kemahiran kebapaan dalam pembentukan sahsiah anak-anak; dan
- iii) Program yang berasaskan modul yang dibangunkan oleh LPPKN.

d) Persediaan perkahwinan

- i) Aktiviti berbentuk kursus, seminar, bengkel persidangan atau TOT;
- ii) Kumpulan sasar adalah pasangan yang akan mendirikan rumah tangga dan yang baru mendirikan rumah tangga;
- iii) Bertindak sebagai persediaan menghadapi perkahwinan di samping melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan panduan dalam kehidupan berkeluarga; dan
- iv) Program yang berasaskan modul Bahtera KASIH, Pakej *SmartStart* atau cadangan daripada NGO sendiri.

e) Pemantapan perkahwinan

- i) Aktiviti berbentuk kursus, seminar, bengkel persidangan atau TOT;
- ii) Kumpulan sasar adalah pasangan (ibu bapa) yang telah lama mendirikan rumah tangga; dan

- iii) Program yang berasaskan modul Bahtera Kasih, atau cadangan daripada NGO sendiri.

f) Pembangunan remaja

- i) Aktiviti berbentuk kursus, seminar, bengkel persidangan atau TOT;
- ii) Program untuk melengkapkan jati diri remaja dan menanamkan sikap tanggungjawab terhadap diri, ibu bapa, keluarga, masyarakat, agama dan negara;
- iii) Dapat mengubah paradigma remaja agar lebih proaktif, inovatif dan pragmatik dalam membentuk keperibadian yang mulia dan berketerampilan;
- iv) Program yang berasaskan Modul Permata Kasih (Pembangunan Remaja) atau cadangan daripada NGO sendiri; dan
- v) Program Kesihatan Reproduksi Sosial (PKRS).

g) Kesihatan reproduktif

- i) Program pendidikan kesihatan reproduktif;
- ii) Khidmat kesihatan reproduktif;
- iii) Kempen kesedaran/ advokasi;
- iv) Khidmat kaunseling kesihatan reproduktif;
- v) Program-program berkaitan penyakit kanser; dan
- vi) Program kesejahteraan lelaki.
 - Aktiviti berbentuk ceramah, kursus, seminar, bengkel, persidangan, kempen kesedaran advokasi, khidmat kaunseling, khidmat kesihatan atau latihan untuk jurulatih (TOT).

5.3 PROGRAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT

a) Perlindungan dan pemulihan kanak-kanak

- i) Takrifan umur kanak-kanak adalah daripada 0 hingga 18 tahun;
- ii) Program pembangunan kesedaran berkaitan perlindungan, keselamatan dan tanggungjawab terhadap kanak-kanak; dan
- iii) Program kesedaran hak kanak-kanak, pencegahan kelakuan gejala sosial kanak-kanak dan program berkaitan pengembangan sahsiah kanak-kanak.
 - Contoh: Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak.

b) Advokasi, literasi akta-akta sosial dan undang-undang

Pelaksanaan program kefahaman berkaitan akta-akta dalam Jabatan yang boleh diaplikasi kepada kumpulan sasar JKM.

Contoh: Akta Kanak-kanak 2001:

Penerangan diberikan kepada ibu bapa, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan aktivis kanak-kanak.

c) Perlindungan dan pemulihan Orang Kurang Upaya (OKU)

- i) Program kesedaran tentang akta berkaitan OKU dan jenis kecacatan yang terlibat seperti sindrom down, *dyslexia*, lambat (lemah pembelajaran), mental, buta, pekak dan lain-lain.
- ii) Program berbentuk kejurulatihan terhadap pemulihan fizikal dan pendayaupayaan OKU dalam aspek pengurusan diri dan kehidupan mereka.

h) Pemulihan dan kesejahteraan warga emas

- i) Takrifan warga emas adalah mereka yang berumur 60 tahun ke atas;
- ii) Program berkaitan program pembangunan warga emas selari dengan Dasar Warga Emas Negara:
 - Contoh: Seminar kesedaran kepentingan antara generasi bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada generasi muda tentang kepentingan kewujudan warga emas dari aspek pengalaman dan kemahiran.
- iii) Dasar Warga Emas Negara:
Mewujudkan masyarakat warga tua yang sejahtera, bermaruah, mempunyai martabat diri yang tinggi, dengan mengoptimumkan potensi diri mereka dan menentukan mereka menikmati semua peluang disamping mendapat penjagaan dan perlindungan sebagai ahli keluarga, masyarakat dan negara; dan
- iv) Program peningkatan produktiviti warga emas dari aspek kesihatan, kewangan dan sebagainya.

i) Pemulihan dan pengurusan mangsa bencana

Pendedahan teknik dan kaedah pengurusan mangsa bencana dari aspek persiapan yang perlu diambil sebelum, semasa dan selepas bencana.

- Sebelum:
Mengenalpasti tempat selamat untuk mangsa berlindung;
- Semasa:
Membantu mengenalpasti keperluan mangsa, menguruskan pengagihan makanan dan kemudahan asas mangsa serta mengadakan aktiviti gotong-royong selepas bencana; dan

- Selepas:
Memberikan bantuan keperluan asas selepas bencana dan proses kaunseling sebagai sokongan moral kepada mangsa.

j) Pemulihan dan peningkatan kapasiti orang papa, pengemis dan gelandangan

Program yang memfokuskan kepada pengurusan orang papa, pengemis dan gelandangan. Selain itu, penganjuran program yang menerangkan kesan dan akibat daripada pemberian sumbangan kepada orang papa dan pengemis serta langkah untuk mencegah kewujudan pengemis baru. Contohnya, program “Bijak Membantu Elak Tertipu”.

k) Latihan dalam kebajikan dan pembangunan masyarakat

- i) Meningkatkan kefahaman dan keupayaan masyarakat terhadap kerja-kerja kebajikan secara profesional.
 - Contoh: Pertubuhan menghadiri latihan kemahiran pengurusan kanak-kanak OKU; atau
- ii) Mana-mana latihan yang membantu meningkatkan kapasiti NGO untuk meningkatkan kualiti pengurusan kehidupan kumpulan sasar JKM seperti kanak-kanak dan warga emas.

l) Pembangunan kapasiti komuniti dan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK)

- i) Meningkatkan kesedaran dan penglibatan masyarakat dalam aktiviti kesukarelaan bagi program sukarelawan;
- ii) Melaksanakan latihan kesukarelawanan kepada masyarakat bagi meningkatkan peningkatan kapasiti sukarelawan; dan

iii) Meningkatkan keupayaan Pertubuhan Sukarela Kebajikan dalam menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada kumpulan sasar melalui program latihan dengan kerjasama contoh seperti Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia dalam bidang:

- kerja sosial;
- penjagaan kanak-kanak;
- penjagaan OKU;
- penjagaan warga tua;
- perkembangan kanak-kanak;
- proses menolong;
- perancangan strategik;
- kepimpinan;
- pengurusan; dan
- kewangan

5.4 PROGRAM-PROGRAM LAIN

Sebarang program yang tidak dinyatakan seperti di atas boleh dipertimbangkan tertakluk kepada keputusan JPBKP.

6.0 PROSES KERJA PEMBERIAN BANTUAN KHAS PERBENDAHARAAN

Aktiviti 1: Mengurus permohonan NGO

BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA
TINDAKAN DI PERINGKAT AGENSI		
1.	PT (PO) atau yang setara dengannya	Menerima permohonan dan rekodkan ke dalam Daftar Terima Permohonan BKP (Lampiran A3) .
2.	P/ KPP/ PP	Mengemukakan kepada Pengarah/ Ketua Penolong Pengarah/ Penolong Pengarah untuk minit tindakan.
3.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menerima dokumen yang telah diminit dan semak dokumen sama ada lengkap atau tidak lengkap menggunakan Senarai Semak Permohonan BKP (Lampiran A4) .
4.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Jika permohonan di bawah bidang keutamaan agensi lain, panjangkan kepada agensi yang berkaitan menggunakan Surat Salur (Lampiran A5) tanpa mengambil kira permohonan lengkap atau tidak lengkap.
5.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Kemukakan Surat Akuan Terima Permohonan kepada NGO (Lampiran A6) . Jika tidak lengkap , minta maklumat lanjut.
6.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Melaksanakan verifikasi bagi permohonan NGO baru atau NGO yang tidak menerima BKP melebihi tempoh lima (5) tahun – jalankan lawatan verifikasi dengan bantuan daripada pegawai di pejabat negeri masing-masing menggunakan Borang Verifikasi NGO (Lampiran A7) .

BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA
7.	PP	Menyemak Laporan Prestasi NGO bagi permohonan NGO sedia ada (Lampiran B7) .
8.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menyediakan Ringkasan Kertas Kerja (Lampiran A8) setelah dokumen disemak dan didapati lengkap berdasarkan: a) Syarat asas kelayakan; b) Kertas kerja NGO; c) Borang permohonan; dan d) Dokumen sokongan.
9.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Mengemukakan cadangan jumlah peruntukan yang boleh dipertimbangkan.
10.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan BKP Agensi.
11.	P/ KPP/ PP	Menyediakan minit mesyuarat.
12.	P/ KPP/ PP	Mendapatkan kelulusan Pengerusi.
13.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menerima kelulusan minit, rekod dan edarkan minit mesyuarat kepada ahli mesyuarat.

Aktiviti 2: Mengadakan Mesyuarat JPBKP

BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA
1.	P/ KPP/ PP	Menguruskan persediaan Mesyuarat JPBKP: a) Mendapatkan tarikh mesyuarat daripada PA TKSU(O); b) Mengemukakan jemputan mesyuarat kepada ahli; c) Menguruskan tempahan makan dan minum; d) Menyediakan slaid pembentangan; dan e) Menyelaraskan ringkasan kertas kerja dan perakuan JPBKP daripada setiap agensi.
2.	P/ KPP/ PP	Melaksanakan mesyuarat JPBKP.
3.	P/ KPP/ PP	Menyediakan minit mesyuarat.
4.	KP/ P	Mendapatkan kelulusan Pengerusi JPBKP.
5.	P/ KPP/ PP	Menerima kelulusan, rekod dan edarkan minit mesyuarat.
6.	P/ KPP/ PP	Menyediakan memo makluman keputusan Mesyuarat JPBKP kepada YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selepas mesyuarat JPBKP untuk ditandatangani oleh Pengerusi JPBKP.
7.	KP/ P	Mendapatkan tandatangan Pengerusi JPBKP.
8.	PT (PO) atau yang setara dengannya	Rekod dan hantar memo makluman keputusan Mesyuarat JPBKP kepada Pejabat YB Menteri.


Aktiviti 3: Mengurus Surat Kelulusan dan penyaluran BKP

BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA
1.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menghantar dua (2) salinan Surat Kelulusan (Lampiran A9) secara pos/ serahan tangan kepada NGO yang diperaku untuk ditandatangani dan diduti setem. Manakala bagi NGO yang tidak diperaku, kemukakan pemakluman seperti di Lampiran A10.
2.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menerima satu (1) salinan Surat Kelulusan yang telah lengkap ditandatangani dan diduti setem daripada NGO dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penerimaan surat. Sekiranya tiada maklum balas diterima dalam tempoh tersebut, kelulusan tawaran dikira terbatal tanpa sebarang notis makluman daripada pihak urus setia. Rekodkan maklum balas jika NGO tidak bersetuju.
3.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Mengemukakan dokumen kepada urus setia induk sebagaimana senarai semak dokumen bagi penyaluran BKP di Lampiran A11 .
TINDAKAN DI PERINGKAT URUS SETIA INDUK		
4.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Mengemukakan memo berserta dokumen yang lengkap seperti di Lampiran A11 kepada Unit Kewangan, JPW untuk pembayaran.


BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA
TINDAKAN DI PERINGKAT UNIT KEWANGAN, BKP, JPW		
5.	Unit Kewangan, BKP, JPW	Menerima dokumen urus setia induk untuk proses pembayaran dalam tempoh 14 hari.
6.	Unit Kewangan, BKP, JPW	Mengemukakan salinan baucar bayaran kepada urus setia induk.
TINDAKAN DI PERINGKAT URUS SETIA INDUK		
7.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menerima salinan baucar bayaran EFT daripada Unit Kewangan, BKP, JPW dan direkodkan.
8.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menyediakan salinan baucar untuk dikemukakan kepada Agensi.
TINDAKAN DI PERINGKAT AGENSI		
9.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menyediakan dan mengedarkan surat makluman penyaluran peruntukan (Lampiran A12) kepada NGO bagi memaklumkan pembayaran telah dibuat.
10.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menerima pengesahan penerimaan peruntukan daripada NGO dan failkan.
11.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Memajukan senarai NGO dan jadual pelaksanaan program kepada Agensi negeri.

7.0 CARTA ALIR BAGI PROSES KERJA PEMBERIAN PERUNTUKAN BANTUAN KHAS PERBENDAHARAAN


Aktiviti 1: Mengurus permohonan NGO



Aktiviti 2: Mengadakan Mesyuarat JPBKP



Aktiviti 3: Mengurus Surat Kelulusan dan penyaluran BKP



8.0 SURAT KELULUSAN

- a) Surat Kelulusan BKP akan menggunakan pakai templat Surat Kelulusan yang telah disediakan oleh Unit Penasihat Undang-undang (UPUU), KPWKM.
- b) Surat Kelulusan boleh ditandatangani oleh Ketua Pengarah/Timbangan Ketua Pengarah Agensi. NGO bertanggungjawab untuk menduti setem Surat Kelulusan tersebut dan menanggung kos yang terlibat sebelum mengembalikan kepada Agensi dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan surat. Sekiranya tidak menerima sebarang maklum balas daripada pihak NGO, dalam tempoh masa yang ditetapkan, maka kelulusan BKP akan **TERBATAL** tanpa sebarang notis makluman daripada pihak urus setia.
- c) Tarikh kuatkuasa Surat Kelulusan adalah sepertimana yang tertera dalam Surat Kelulusan.
- d) Peruntukan akan dibayar secara penuh atau berperingkat mengikut keputusan JPBKP dan akan dinyatakan dalam jadual pembayaran seperti yang termaktub dalam Surat Kelulusan.
- e) Sesi penyerahan Surat Kelulusan dan penerangan boleh diadakan bagi menjelaskan kepada NGO berkaitan peraturan dan panduan pelaksanaan program.
- f) Pelanjutan tempoh pelaksanaan boleh dimohon bagi kes-kes yang tidak dapat dielakkan serta mempunyai justifikasi yang kukuh.
- g) Permohonan pelanjutan tempoh pelaksanaan hendaklah dikemukakan oleh NGO kepada Ketua Pengarah Agensi secara bertulis dalam tempoh 60 hari sebelum tamat tempoh kelulusan beserta jadual pelaksanaan program terkini. Surat Kelulusan Tambahan akan disediakan bagi pelanjutan tempoh yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Agensi.

- h) Hanya satu (1) kali pelanjutan tempoh masa pelaksanaan program dibenarkan. Tempoh pelanjutan hanya terhad kepada enam (6) bulan sahaja.
- i) Permohonan untuk meminda program hendaklah dikemukakan oleh NGO kepada Ketua Pengarah Agensi secara bertulis dalam tempoh 30 hari sebelum program dilaksanakan dengan menyatakan justifikasi bagi perubahan skop program tersebut.
- j) Surat Kelulusan Tambahan akan disediakan bagi perubahan skop yang ketara seperti berikut:
 - a. Perubahan kandungan program; atau
 - b. Perubahan pada kumpulan sasaran.
- k) Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada Ketua Pengarah Agensi.
- l) NGO perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Agensi sebelum menerima mana-mana pelawat, pengkaji, pelatih atau apa-apa permohonan daripada mana-mana pihak sama ada dari dalam atau luar negara berkaitan program.

SEKSYEN B
PELAPORAN DAN PEMANTAUAN PROGRAM
NGO DI BAWAH BANTUAN KHAS
PERBENDAHARAAN

1.0 PEMANTAUAN, PENILAIAN DAN PELAPORAN PROGRAM

SOP ini disediakan untuk memberi panduan kepada pegawai bertanggungjawab dalam menguruskan aspek Pemantauan, Penilaian dan Pelaporan program di bawah Bantuan Khas Perbendaharaan (BKP) mengenai pelaksanaan program pembangunan sosial kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

- a) **Pemantauan** : Memantau program yang dilaksanakan oleh NGO penerima BKP;
- b) **Penilaian** : Menilai dan menjalankan analisis keberkesanan program berdasarkan borang penilaian yang diterima daripada NGO; dan
- c) **Pelaporan** : Menyemak dan memastikan Laporan Pelaksanaan Program yang diterima daripada NGO memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian.

Berdasarkan kepada Surat Kelulusan, Kerajaan mempunyai hak memantau perkembangan dan perjalanan program untuk memastikan penerima BKP tidak menyalahgunakan peruntukan tersebut. Manakala pihak NGO mempunyai obligasi untuk memberi kerjasama dan kebenaran untuk pihak Kerajaan membuat pemeriksaan atau auditan terhadap apa-apa perbelanjaan yang dibuat oleh pertubuhan dalam melaksanakan bantuan kewangan tersebut.

2.0 JAWATANKUASA PEMANTAUAN DAN PENILAIAN (JPP)

2.1 PERANAN JPP

- a) Memantau prestasi pelaksanaan dan pelaporan BKP bagi setiap agensi;
- b) Membincangkan dan memutuskan isu-isu berkaitan pelaksanaan dan pelaporan BKP setiap agensi;
- c) Membincangkan dan memutuskan isu-isu berkaitan pelanggaran syarat dan tindakan senarai hitam; dan
- d) Mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun ataupun mengikut keperluan semasa agensi.

2.2 KEAHLIAN JPP

- a) **Pengerusi** : Ketua Pengarah Agensi
- b) **Ahli-ahli** :
 - Timbalan Ketua Pengarah
 - Pengarah Bahagian
 - Ketua Unit Kewangan Agensi
 - Ketua Unit Audit Dalam Agensi (jika perlu)
- c) **Ahli-ahli Ganti** :
 - Ketua Penolong Pengarah
 - Penolong Pengarah
- d) **Setiausaha** : Pengarah Bahagian (Agensi)

3.0 JAWATANKUASA PENYELESAIAN PERTIKAIAN NGO

3.1 PERANAN JAWATANKUASA

- a) Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian NGO merupakan jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan apa-apa pertikaian atau tuntutan yang berbangkit melibatkan NGO berkaitan BKP.
- b) Bidang kuasa Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian NGO merangkumi perkara berikut:
 - i) Sebarang pertikaian atau apa-apa tuntutan berbangkit daripada Surat Kelulusan yang ditandatangani oleh NGO;
 - ii) Sebarang pertikaian atau apa-apa tuntutan berbangkit yang berkaitan dengan peraturan dan syarat yang ditetapkan dalam Garis Panduan BKP.

3.2 FORMAT MESYUARAT

- a) Bagi melancarkan urusan mesyuarat dan proses membuat keputusan, hanya perkara-perkara yang memerlukan pertimbangan dan penyelesaian sahaja yang akan dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa ini;
- b) Perbincangan dibuat dengan tujuan mencapai suatu keputusan sepakat berhubung dengan pertikaian yang dihadapi; dan
- c) Sebarang keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa ini adalah muktamad dan mengikat mana-mana pihak yang terlibat.

3.3 KEAHLIAN JAWATANKUASA DAN KEHADIRAN MESYUARAT

Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian NGO akan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian. Keahlian adalah tetap yang dilantik berdasarkan jawatan yang disandang.

- a) **Pengerusi** : Timbalan Ketua Setiausaha (S),
KPWKM
- b) **Ahli-ahli** :
 - Ketua Pengarah JPW
 - Ketua Pengarah JKM
 - Ketua Pengarah LPPKN
 - Penasihat Undang-undang, KPWKM
 - SUB Kewangan
 - SUB Dasar
 - Ketua Unit Audit Dalam, KPWKM
- c) **Ahli-ahli Ganti** :
 - Timbalan Ketua Pengarah Agensi
 - Timbalan SUB
 - Pengarah Bahagian
 - Ketua Penolong Setiausaha
 - Ketua Penolong Pengarah
- d) **Turut Hadir** :
 - Pengarah BPPPP, JPW
 - Pengarah Bahagian Komuniti, JKM
- e) **Setiausaha** : Pengarah BPPPP, JPW (bagi NGO yang melaksanakan program di bawah JPW dan LPPKN)
Pengarah Bahagian Komuniti, JKM (bagi NGO yang melaksanakan program di bawah JKM)

4.0 PELANGGARAN SYARAT

- a) Sekiranya pihak NGO melanggar syarat-syarat dan terma yang telah ditetapkan seperti yang terdapat di dalam Surat Kelulusan, Kementerian/ Agensi boleh mengambil tindakan berikut:
 - i) menamatkan kelulusan dan menarik balik peruntukan;
 - ii) menyenaraihitamkan NGO yang bermasalah; dan/ atau
 - iii) tindakan perundangan atau hapus kira mengikut keadaan kes.
- b) Tempoh senarai hitam adalah berdasarkan jenis pelanggaran iaitu:
 - i) 36 bulan daripada tarikh mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian di peringkat Agensi;
 - ii) Bagi NGO yang tidak memulangkan peruntukan, tambahan tempoh senarai hitam selama 36 bulan bermula daripada tarikh selesai bayaran;
 - iii) Senarai NGO yang disenarai hitam akan dipaparkan di laman web Kementerian/ Jabatan/ Agensi; dan
 - iv) Sekiranya terdapat permohonan baharu oleh Pertubuhan yang lain dan diterajui oleh mana-mana AJK daripada NGO yang telah disenarai hitam, maka permohonan tersebut adalah tidak layak diperaku.
- c) Sebarang rayuan untuk tidak memulangkan baki BKP tidak akan dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian boleh mempertimbangkan kaedah pembayaran yang bersesuaian mengikut kemampuan NGO.
- d) Apa-apa perkara yang timbul dan tidak dinyatakan secara jelas dalam SOP ini hendaklah dirujuk kepada JPBKP untuk keputusan.

5.0 PROSES KERJA PEMANTAUAN BKP

Aktiviti 1: Memantau pelaksanaan program BKP

BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA
1.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Merekodkan jadual pelaksanaan program daripada semua NGO yang telah diluluskan dalam mesyuarat JPBKP ke dalam Buku Log Pemantauan (Lampiran B1).
2.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Membuat susulan tarikh pelaksanaan sebenar program dan sediakan perancangan untuk pemantauan program.
3.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Mengemukakan peringatan bertulis (Lampiran B2) kepada NGO yang belum melaksanakan program dalam tempoh 120 hari sebelum tamat tempoh Surat Kelulusan yang merangkumi: a) Tarikh pelaksanaan program. b) Pemulangan semula peruntukan jika gagal melaksanakan program dalam tempoh kelulusan.
4.	P/ KPP/ PP	Mendapatkan persetujuan Pengarah Bahagian untuk menjalankan pemantauan atau maklumkan kepada Pengarah Negeri untuk membuat pemantauan program bagi NGO yang berkenaan.
5.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menjalankan pemantauan program pada tarikh dan lokasi yang telah dinyatakan oleh NGO menggunakan format Laporan Pemantauan Program (Lampiran B3).

BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA
6.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menyediakan Laporan Pemantauan Program berserta gambar-gambar semasa pemantauan untuk semakan Pengarah Bahagian/ Negeri/ Pegawai Yang Dipertanggungjawab (PYD) Daerah.
7.	P/ KPP/ PP	Membuat semakan, ulasan, dan pengesahan terhadap Laporan Pemantauan Program yang dikemukakan.
8.	PT (PO) atau yang setara dengannya	Kemukakan Laporan Pemantauan Program yang telah lengkap ke Ibu Pejabat.
9.	PT (PO) atau yang setara dengannya	Menerima Laporan Pemantauan Program dan rekodkan.
10.	P/ KPP/ PP	Mengesahkan dan melaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian.

Aktiviti 2: Mengurus Laporan Pelaksanaan Program (LPP) dan penyaluran baki peruntukan bagi pembayaran berperingkat

BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA
NGO MENGEMUKAKAN LPP DALAM TEMPOH 30 HARI SELEPAS TAMAT PELAKSANAAN PROGRAM		
1.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menerima dan merekod penerimaan LPP daripada NGO berserta dokumen-dokumen yang berkaitan.
2.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Membuat semakan terhadap LPP yang diterima dan rekod penemuan dalam Senarai Semak Status Pelaksanaan Program (Lampiran B4) .
3.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Kemukakan Lampiran B4 untuk pengesahan Pengarah Bahagian/ pegawai yang bertanggungjawab.
4.	P/ KPP/ PP	Membuat pengesahan terhadap laporan pelaksanaan program sama ada lengkap atau tidak lengkap dan kemukakan kepada PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya untuk tindakan lanjut.
5.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Mengemukakan kepada NGO surat pemulangan baki (Lampiran B5) , sekiranya terdapat perbelanjaan yang tidak dibenarkan atau peruntukan yang tidak habis dibelanjakan.
6.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menerima pemulangan dalam tempoh 30 hari. Jika tidak menerima maklum balas/ keseluruhan amaun yang sepatutnya dipulangkan oleh NGO, kes perlu dibawa ke Jawatankuasa Pemantauan & Penilaian untuk

BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA
		diputuskan mengenai tindakan selanjutnya yang perlu diambil.
7.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Mengemukakan kepada urus setia induk dokumen sebagaimana senarai semak (Lampiran A11) bagi tujuan pembayaran baki peruntukan (jika melibatkan kelulusan pembayaran berperingkat).
TINDAKAN DI PERINGKAT URUS SETIA INDUK		
8.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Mengemukakan memo berserta dokumen yang lengkap kepada Unit Kewangan, JPW untuk pembayaran.
TINDAKAN DI PERINGKAT UNIT KEWANGAN, BKP, JPW		
9.	Unit Kewangan, BKP, JPW	Menerima dokumen urus setia induk untuk proses pembayaran dalam tempoh 7 hari bekerja.
10.	Unit Kewangan, BKP, JPW	Mengemukakan salinan baucar bayaran kepada urus setia induk.
11.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menerima salinan baucar bayaran EFT daripada Unit Kewangan, BKP, JPW dan direkodkan.
12.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menyediakan salinan baucar untuk dikemukakan kepada Agensi.
13.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menyediakan dan mengedarkan surat makluman penyaluran peruntukan (Lampiran A12) kepada NGO bagi memaklumkan pembayaran telah dibuat.

BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA
14.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menerima pengesahan penerimaan peruntukan daripada NGO dan failkan.
15.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Ambil tindakan berikut: a) Sekiranya LPP lengkap dan urusan pemulangan peruntukan telah selesai (sekiranya berkaitan), kemuka surat selesai (Lampiran B6) kepada NGO dan sediakan Laporan Prestasi (Lampiran B7). b) Jika berstatus tidak lengkap, ambil tindakan berikut: i) Keluarkan Surat Kuiri bagi mendapatkan maklumat berdasarkan kes/ isu kepada NGO (Lampiran B8). ii) Jika dalam tempoh 14 hari tiada jawapan/ masih tidak lengkap, keluarkan Notis Peringatan (Lampiran B9). iii) Jika NGO masih gagal mengemukakan sebarang maklum balas dalam tempoh 7 hari, keluarkan Notis Mungkir (Lampiran B10). <i>(Rujuk tindakan selepas Notis Mungkir dikeluarkan)</i>

BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA
NGO TIDAK MENGEMUKAKAN LPP DALAM TEMPOH 30 HARI SELEPAS TAMAT PELAKSANAAN PROGRAM		
16.	P/ KPP/ PP	Mengemukakan Notis Peringatan kepada NGO yang tidak mengemukakan LPP dalam tempoh 30 hari selepas tamat pelaksanaan program.
17.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Mengambil tindakan berikut selepas tempoh 21 hari: a) Jika terima LPP, ambil tindakan seperti perkara 2 hingga 15. b) Jika tidak menerima LPP, keluarkan Notis Mungkir.
TINDAKAN SELEPAS NOTIS MUNGKIR DIKELUARKAN		
18.	P/ KPP/ PP	Mengambil tindakan berikut selepas Notis Mungkir dikeluarkan: a) Jika terima: i) Maklum balas berkaitan Surat Kuiri dan didapati lengkap, kemukakan Surat Selesai. ii) LPP, ambil tindakan seperti perkara 10 hingga 14. b) Jika tidak terima maklum balas/ LPP dan Surat Kelulusan masih berkuatkuasa, sediakan Notis Penamatan (Lampiran B11).

BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA
		c) Jika tidak terima maklum balas/ LPP dan Surat Kelulusan telah tamat tempoh, sediakan Surat Arahan Pemulangan Peruntukan. (Lampiran B12)
19.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Mengemukakan Notis Penamatan/ Surat Arahan Pemulangan Peruntukan. Salinan kepada Unit Kewangan, BKP JPW untuk rekod dan tindakan lanjut.
20.	P/ KPP/ PP	Jika tidak menerima maklum balas/ keseluruhan amaun yang sepatutnya, ambil tindakan seperti arahan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP10.6 Pengurusan Akaun Belum Terima. - Surat Peringatan Pertama (SP1) (Lampiran B13) dikeluarkan selepas 30 hari dari tarikh notis penamatan/ surat arahan pemulangan peruntukan. - Sekiranya tidak menerima maklum balas, Surat Peringatan Kedua (SP 2) dikeluarkan selepas 14 hari dari tarikh SP 1 - Sekiranya tidak menerima maklum balas, Surat Peringatan Terakhir (SP 3) dikeluarkan selepas 14 hari dari tarikh SP 2
21.	P/ KPP/ PP	Sekiranya tidak menerima maklum balas selepas 14 hari daripada SP 3, kemukakan kepada PUU untuk tindakan lanjut.

BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA
22.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Fail dan rekod.

Aktiviti 3: Naziran NGO

BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA
1.	P	Mengeluarkan arahan pelaksanaan naziran
2.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menjalankan naziran yang telah ditetapkan menggunakan Senarai Semak Naziran (Lampiran B14). Naziran adalah berdasarkan keperluan berikut: a) NGO yang menerima peruntukan berjumlah RM50,000.00 dan ke atas dan tidak mengemukakan LPP; atau b) Tidak memberi maklum balas terhadap peringatan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dikemukakan; atau c) NGO yang tidak memulangkan baki peruntukan yang tidak dibelanjakan/ perbelanjaan yang tidak dibenarkan.
3.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menyediakan Laporan Naziran (Lampiran B15) berserta gambar-gambar berdasarkan senarai semak naziran dan dapatkan pengesahan Pengarah Bahagian/ Negeri.
4.	Pengarah/ Pengarah Negeri	Membuat semakan dan ulasan terhadap Laporan Naziran yang dikemukakan.
5.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menerima Laporan Naziran yang telah disahkan, semak dan rekodkan.

BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA
6.	Pengarah/ PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Melapor dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian.

Aktiviti 4: Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian (JPP) BKP

BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA
1.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Mendapatkan tarikh mesyuarat bagi mesyuarat JPP yang diadakan 3 kali setahun.
2.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Membuat persediaan mesyuarat.
3.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menyediakan Laporan Prestasi Pelaksanaan BKP.
4.	P/ KPP/ PP	Mengadakan mesyuarat dan membentangkan Laporan Prestasi Pelaksanaan BKP dan isu-isu berkaitan pelaksanaan program yang memerlukan keputusan mesyuarat.
5.	P/ KPP/ PP	Menyediakan minit mesyuarat dan edarkan kepada ahli mesyuarat untuk tindakan selanjutnya.
6.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menerima minit mesyuarat dan mengambil tindakan dan menyediakan dokumen berkaitan sekiranya melibatkan tindakan perundangan atau isu-isu audit.


Aktiviti 5: Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian

BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA
1.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Agensi memohon untuk mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian.
2.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Mendapatkan tarikh mesyuarat bagi Mesyuarat Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian.
3.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menyediakan surat panggilan mesyuarat kepada ahli jawatankuasa dan NGO yang terlibat.
4.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menerima surat panggilan mesyuarat daripada Urus Setia Induk dan sediakan dokumen mesyuarat.
5.	KP/ P/ KPP	Membentangkan kes NGO yang terlibat.
6.	TKSU (S)	Membuat keputusan berkaitan kes NGO.
7.	P/ KPP/ PP	Menyediakan minit mesyuarat.
8.	KP/ P/ KPP	Mendapatkan kelulusan Pengerusi Jawatankuasa.
9.	TKSU (S)	Meluluskan minit mesyuarat.
10.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Mengedarkan minit mesyuarat kepada ahli mesyuarat untuk tindakan selanjutnya.

BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA
11.	PP/ PPT/ PT (PO) atau yang setara dengannya	Menerima minit mesyuarat dan mengambil tindakan dan menyediakan dokumen berkaitan sekiranya melibatkan tindakan perundangan atau isu-isu audit serta memaklumkan kepada NGO terlibat.


